



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menerima tawaran GIA. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat amnya.)	Public Bank Berhad 196501000672 (6463-H) Nama Produk Ditawarkan: Akaun Pelaburan Emas (GIA) Tarikh: 20 Jun 2022
1. Apakah produk ini? <ul style="list-style-type: none">• Akaun yang membolehkan pelanggan individu dan bukan individu untuk melabur dalam komoditi emas paling tulen dengan kehalusan 99.99% pada harga harian dalam Ringgit Malaysia (RM).• Untuk pelanggan individu, urus niaga tersebut akan direkodkan di dalam buku simpanan GIA. e-penyata bulanan opsyenal disediakan melalui PBe (www.pbebank.com) selain buku simpanan GIA.• Bagi pelanggan bukan individu, buku simpanan GIA tidak diterima pakai dan urus niaga akan direkodkan dalam e-penyata bulanan sahaja. Pelanggan bukan individu perlu mendaftar untuk PBe apabila membuka GIA.• Produk ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.	
2. Apakah yang saya peroleh dari produk ini? <ul style="list-style-type: none">• Harga emas disebut harga dalam RM segram.• Nilai pelaburan akan ditukarkan kepada pemegangan emas disebut dalam gram berdasarkan harga emas pasaran semasa.• Nilai pokok tidak dijamin.• Keuntungan modal jika terdapat kenaikan dalam harga emas atau sebaliknya.• Kemudahan untuk mengurus niaga emas dalam talian melalui PBe.	
3. Apakah terma dan syarat utamanya? <ul style="list-style-type: none">• Pelanggan dikehendaki mengekalkan sama ada Akaun Simpanan atau Akaun Semasa sebelum membuka GIA untuk memudahkan pendebitan fi perkhidmatan, jika ada.• Kelayakan:<ul style="list-style-type: none">(a) Individu yang berumur 18 tahun ke atas (perseorangan atau bersama/pemastautin atau bukan pemastautin).(b) Ibu atau bapa boleh membuka GIA bersama-sama dengan anaknya yang berumur di bawah 18 tahun.(c) Bukan individu iaitu syarikat, empunya tunggal, perkongsian, pertubuhan, kelab dan persatuan.(d) Bukan individu perlu mendaftar bagi PBe apabila membuka GIA.	

3. Apakah terma dan syarat utamanya?, sambungan

- Keperluan minimum:

Belian Permulaan	5 gram
Belian/Jualan berikutnya	1 gram dan mestilah dalam gandaan 1 gram
Baki Dalam GIA	2 gram

- Semua pembelian emas atau penjualan emas boleh dibuat di kaunter dan dalam talian melalui PBe. Semua urusan niaga GIA akan direkodkan dalam buku simpanan GIA atau e-penyata bulanan (mana yang diterima pakai) dalam gram.
- Belian emas adalah berdasarkan harga JUALAN emas semasa Bank yang disebut harga dalam RM segram. Simpanan emas fizikal tidak dibenarkan. Kaedah pembayaran yang diterima bagi pembelian emas adalah:

Individu	Bukan individu
Pendebitan akaun	Pendebitan akaun
Cek dalaman	Cek dalaman
Tunai	Tunai tidak dibenarkan

- Jualan emas akan berdasarkan harga BELIAN emas semasa Bank yang disebut harga dalam RM segram. Pendapatan daripada penjualan emas tersebut akan dibayar kepada pelanggan seperti yang berikut:

Individu	Bukan individu
Kredit ke dalam akaun deposit yang ditetapkan	Kredit ke dalam akaun deposit yang ditetapkan
Tunai	Tunai tidak dibenarkan

- Urus niaga pengeluaran antara cawangan adalah tertakluk pada had sebanyak RM10,000.00 bagi setiap pelanggan sehari.
- Urus niaga emas dalam talian disediakan melalui PBe seperti yang berikut:
 - Urus niaga dibuka dari Isnin hingga Jumaat apabila Bank dibuka untuk perniagaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti yang berikut:

Individu	9.30 pagi hingga 4.45 petang
Bukan individu	9.30 pagi hingga 4.00 petang

- Belian dan jualan emas ditawarkan pada harga diskaun.
- Pendaftaran bagi perkhidmatan urus niaga emas dalam talian adalah perlu.
- Had urus niaga ditunjukkan di bawah:

Minimum	1 gram setiap urus niaga.
Maksimum	Bersamaan dengan RM50,000.00 bagi setiap GIA setiap hari bagi belian dan jualan emas.



3. Apakah terma dan syarat utamanya?, sambungan

- Perkhidmatan yang tidak disediakan untuk GIA adalah seperti yang berikut:
 - (a) Pengeluaran fizikal emas
 - (b) Semua urusan niaga melalui ATM
 - (c) Deposit tunai melalui Mesih Deposit Tunai bagi pembelian emas
 - (d) Deposit cek melalui Terminal Deposit Cek bagi pembelian emas
 - (e) Pindahan dana terus antara GIA dengan akaun-akaun Public Bank yang lain
 - (f) GIRO Antara Bank bagi pengkreditan dalam GIA
 - (g) Belian Pertukaran Asing (FPX)
 - (h) Pembayaran Kredit Elektronik (ECP)
 - (i) Penyata yang digabungkan
 - (j) Pindahan Bertelegraf Masuk bagi kredit terus ke GIA
 - (k) Arahan Tetap
- Sebagai amalan sedunia, GIA tidak membayar faedah kerana ia bukannya peletakan deposit. Tambahan pula, Bank menyimpan emas dengan bank penjaga yang dibenarkan.

4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis Caj	Amaun	
	Pelanggan Individu	Pelanggan bukan individu
Fi perkhidmatan tahunan bagi baki kuantiti Emas yang kurang daripada 10 gram pada 31 Disember setiap tahun. Fi perkhidmatan di atas akan dikecualikan untuk GIA baharu yang dibuka kurang dari satu (1) bulan iaitu dibuka pada bulan Disember.	RM10.00 setiap tahun	RM10.00 setiap tahun
Duti setem selepas pemeteraian Perjanjian GIA	RM10.00 apabila GIA dibuka	RM10.00 apabila GIA dibuka
Penggantian buku simpanan Perjanjian GIA	RM10.00 campur duti setem	Tidak berkenaan

5. Apakah risiko-risiko utamanya?

- Harga belian/jualan emas yang disebut akan ditentukan oleh Bank atas budi bicaranya dengan mengambil kira semua faktor yang akan ditentukan oleh Bank sebagai berkaitan termasuk keadaan semasa pasaran dunia dan tempatan untuk emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat dengan Ringgit Malaysia dan ketulenan emas tersebut.
- Pulangan bagi GIA ini tertakluk pada pergerakan harga emas. Kerugian modal boleh berlaku disebabkan oleh pelupusan pemegangan emas bukan pada waktunya ketika sentimen harga emas meleset.



6. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan pada butiran untuk menghubungi saya?

- Adalah mustahak untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai perubahan dalam butiran untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

7. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Hubungi talian bebas tol Bank melalui 1-800-22-9999 pada waktu bekerja biasa.
- Kunjungi cawangan Public Bank yang terdekat.
- Akses kepada PBe.

8. Apakah jenis GIA lain yang boleh didapati?

- Akaun Pelaburan e-Emas (eGIA) ialah akaun dalam talian yang membenarkan pelanggan individu untuk melabur dalam komoditi emas yang paling tulen dengan kehalusan 99.9% pada harga harian dalam Ringgit Malaysia (RM) melalui PBe. Pembukaan akaun eGIA boleh dibuat melalui PBe sahaja.

PERINGATAN

PULANGAN AKAUN PELABURAN EMAS INI ADALAH TERTAKLUK PADA TURUN NAIK HARGA EMAS.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan produk ini dikeluarkan pada 20 Jun 2022 dan sah sehingga semakan semula.